

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan penglibatan terkini masyarakat terhadap Program Kebuniti di bawah inisiatif PENJANA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah diperuntukkan sebanyak RM10 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi pelaksanaan Program Kebuniti untuk membantu meringankan beban kos sara hidup penduduk bandar dan pinggir bandar terutama kelompok B40 yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Pelaksanaan Program Kebuniti akan menggalakkan aktiviti pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat serta ditambahbaik dengan nilai jualan bahan tanaman, penghasilan produk hiliran bagi menambah pendapatan dan mengitar semula sisa organik untuk digunakan semula sebagai media/baja kompos.
3. Projek ini melibatkan kategori individu dan komuniti dengan kadar peruntukan maksimum RM500 (kategori individu) dan RM50,000 (kategori komuniti). Bantuan diberi dalam bentuk input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur ladang, peralatan pertanian, khidmat nasihat dan latihan.
4. Permohonan projek ini telah dibuka pada 17 Jun 2020 dan ditutup pada 31 Julai 2020, dengan jumlah permohonan yang diterima sebanyak 40,279 (38,608 individu dan 1,671 komuniti). Jumlah permohonan ini adalah diluar jangkaan dari yang disasarkan iaitu 12,800. Bagi pelaksanaan tahun 2020, dengan agihan peruntukan berjumlah RM7.32 juta, sebanyak 12,628 permohonan telah diluluskan melibatkan seluruh negara.
5. MAFI turut diperuntukkan sebanyak RM 30 juta melalui Belanjawan 2021 dan dengan peruntukan ini akan memperluaskan lagi pelaksanaan Program Kebun Komuniti yang bakal memanfaatkan 60,000 peserta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]**

**SOALAN**

**TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sumber yang diperoleh oleh Kerajaan dalam memberikan peruntukan tambahan sebanyak RM10 bilion untuk BPN 2.0, Subsidi Upah 2.0 dan Geran PKS 2.0 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri pada September yang lepas.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerangka Inisiatif Tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2020 lalu merupakan pakej rangsangan ekonomi Ke-4 yang diumumkan Kerajaan selepas PRIHATIN, PRIHATIN PKS+ dan PENJANA, menjadikan jumlah keseluruhan pakej rangsangan sebanyak RM305 billion atau 21% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
2. Kumpulan Wang COVID-19 sedia ada yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24 Ogos 2020 dan Dewan Negara pada 21 September 2020 adalah berjumlah RM45 bilion. Memandangkan peruntukan sedia ada masih belum dihabiskan, perbelanjaan yang berbangkit daripada inisiatif KITA PRIHATIN yang berjumlah RM10 bilion berkenaan akan dibiayai dari peruntukan sedia ada Kumpulan Wang berkenaan. Kerajaan akan memohon peruntukan tambahan bagi Kumpulan Wang COVID-19 untuk memenuhi keperluan akan datang, sekiranya diperlukan. Sekian, terima kasih.